



702 kontraktor alat pemadam api mudah alih diiktiraf



SERDANG, 28 Mei – Seramai 702 kontraktor alat pemadam api mudah alih seluruh Malaysia menerima sijil Fire Extinguisher Competent Person dan diiktiraf sebagai individu yang mahir dalam menyelenggara alat pemadam api mudah alih.

Kesemua kontraktor yang diiktiraf telah menjalani kursus selama dua hari yang dianjurkan oleh Universiti Putra Malaysia Education and Training (UPMET) dengan kerjasama Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) dan Malaysian Fire Protection Association (MFPA).

UPMET telah dilantik oleh JBPM bagi melaksanakan kursus itu khususnya kepada kontraktor alat pemadam api mudah alih yang berdaftar di bawah JBPM dan kepada mereka yang berminat dengan penyelenggaraan alat pemadam api mudah alih.

Kursus Fire Extinguisher Competent Person telah dijalankan dengan jayanya sebanyak lapan siri di enam buah tempat iaitu di kampus UPM Serdang, Seberang Perai, Johor Bahru, Kuantan, Kota Kinabalu dan Kuching.



Ketua Pengarah JBPM, Dato' Wan Mohd Nor Ibrahim berkata pelaksanaan program itu merupakan kali pertama yang melibatkan pihak awam (kontraktor).

"Semua peserta yang diiktiraf perlu mendaftar nama mereka dengan syarikat yang berdaftar dengan JBPM atau daftarkan nama syarikat masing-masing melalui portal Fire Extinguisher Inspection System (e-fEiS) jika masih belum berbuat demikian.

"Ini penting supaya JBPM dapat memantau prestasi syarikat dan individu dengan lebih sistematik dan memastikan mereka memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada pengguna," katanya semasa majlis penyampaian sijil di Dewan Persidangan UPMET di sini.

Beliau turut berkata program itu merupakan strategi lautan biru JBPM memberikan maklumat penting kepada orang ramai (kontraktor) mengenai kaedah penyelenggaraan alat pemadam api mudah alih berdasarkan standard MS 1539.



Sementara itu, Ketua Pegawai Eksekutif UPMET, Dr. Abdul Aziz Saharee berkata pelaksanaan program itu penting bagi memastikan setiap kontraktor memperoleh pengetahuan baharu mengenai cara-cara pengendalian alatan pencegahan kebakaran yang betul.

"Saya berharap kursus ini dapat menyediakan garis panduan standard yang perlu diikuti oleh semua kontraktor alat pemadam api mudah alih," katanya.

Turut hadir pada majlis penyampaian sijil itu ialah Presiden Malaysian Fire Protection Association (MFPA), Danny Cheah dan Pengerusi Jawatankuasa Peperiksaan, Dr. Nor Mariah.

Kursus Fire Extinguisher Competent Person bermula apabila memorandum persefahaman antara UPMET dengan JBPM dan MFPA ditandatangani pada 20 Mac 2010.

Berita ini disediakan oleh Muhamad Najkhan Mazlan 03-894666130 dan foto oleh Noor Azreen Awang 03-89466199